

**Putuskan hubungan dengan PKR
Utusan Online
02 Mac, 2012
Oleh SITI MAISARAH SHEIKH RAHIM**

KUALA LUMPUR 1 Mac - Pas perlu bertindak tegas dengan memutuskan hubungan dengan Parti Keadilan Rakyat (PKR) jika benar parti yang kononnya memperjuangkan Islam itu tidak bersetuju dengan kenyataan Ketua Pembangkang yang mempertahankan keselamatan Israel.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal berkata, berbeza dengan kerajaan, pemimpin parti pembangkang langsung tidak mempunyai satu pendirian yang jelas dan konsisten membela nasib rakyat Palestin akibat pembinasaan kejam oleh negara penjajah itu.

Katanya, surat bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad kepada tiga Perdana Menteri Israel jelas membuktikan sokongan kerajaan terhadap rakyat Palestin yang tidak pernah berubah sekali gus tidak mengiktiraf Israel.

"Apa yang kita kesal Anwar dan pemimpin Pas tidak ada ketetapan ini. Kenyataan Anwar mempertahankan keselamatan Israel cukup jelas.

"Sekiranya benar Pas memperjuangkan Islam, tindakan tegas harus diambil dengan memutuskan hubungan dengan PKR," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Sambutan Hari Majlis Amanah Rakyat (Mara) Ke-46 di sini hari ini.

Sementara itu, pada majlis sambutan itu, Mohd. Shafie turut mengumumkan penjenamaan semula Amanah Saham Mara Berhad (ASMB) sebagai Pelaburan Mara Berhad dalam usaha menjana pelaburan lebih tinggi termasuk melebarkan aktiviti perniagaan serta meningkatkan ekuiti bumiputera.

Katanya, dana ASMB sedia ada yang kini berjumlah RM700 juta diharap dapat dijana lebih baik bagi memperkukuhkan kedudukan Mara ke tahap lebih cemerlang seiring perubahan pesat industri kewangan dan pelaburan.

Mohd. Shafie berkata, sempena sambutan itu juga, Mara turut memperkenalkan Rumah Mampu Milik yang dibina menggunakan teknologi Industrial Building System (IBS) untuk ditawarkan kepada warga Mara termasuk rakyat berpendapatan antara RM2,500 hingga RM5,000.

"Konsep yang digunakan ini bukan sahaja mampu membantu mengurangkan kos pembinaan rumah, malah dapat menjimatkan masa pembinaan," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0302&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_02.htm